



Pengajaran dari Lawatan ke Indonesia ke Arah Kecemerlangan UiTM Pahang

Mohd Noor Ramlan
Hafizah Kassim

ABSTRAK

Indonesia merupakan sebuah negara yang mempunyai perhubungan rapat dengan Malaysia. Selain sebagai dua buah negara yang berjiran, kedua-duanya mempunyai perkaitan rapat dari aspek sejarah, sosio-budaya, ekonomi, pendidikan, pertahanan dan lain-lain lagi. Malah kerana begitu rapatnya, hubungan dua hala kerap kali juga mengalami turun naik. Terdapat banyak pengajaran yang boleh dipelajari dari negara tersebut. Penulis menghuraikan pengamatan sepintas lalu berdasarkan pengalaman peribadinya membuat kunjungan ke negara tersebut. Huraian yang diberikan adalah secara umum dan pengajaran yang boleh gunakan boleh dijadikan input untuk renungan bersama. Pengalaman tersebut dirasakan boleh dijadikan pengajaran dan diharapkan boleh menjadi pencetus kepada pembaca dalam menilai keadaan semasa dalam perjuangan bagi memartabatkan UiTM, khususnya UiTM Pahang, bangsa Melayu dan seterusnya negara kita Malaysia agar lebih makmur dan sentosa.

Kata kunci: *lawatan, pemerhatian, pengalaman, pengajaran*

Pengenalan

Dua tahun kebelakangan ini penulis sering membuat lawatan ke Indonesia. Pada bulan Jun 2006, penulis membuat lawatan peribadi ke Yogyakarta, kira-kira dua minggu setelah gempa bumi melanda Daerah Bantul, Jawa Tengah, Indonesia. Penulis telah mengunjungi Bantul dan menyaksikan dengan mata kepala sendiri kesengsaraan penduduk yang menerima musibah tersebut. Penulis sempat melawat kampus sekitar Universiti Gadjah Mada yang terkenal itu. Di Yogyakarta, penulis melawat Gunung Merapi yang ketika itu sedang memuntahkan abunya di mana penduduk sekitarnya masih bersiap sedia sekiranya Gunung Merapi memuntahkan pula larvanya. Penulis juga telah melawat menghampiri Gunung Merapi

sehingga ke Kaliurang dan Cangkringan, perkampungan dan pekan-pekan sekitar Yogyakarta, dan Candi Borobudur, Prambanan dan kesan-kesan sejarah peninggalan kerajaan Majapahit yang agung itu.

Setahun sebelum itu, pada bulan Julai 2005, penulis pergi ke Dumai dan Pekan Baru di Riau, Sumatera Indonesia. Penulis pergi bersama rombongan Kelab Penerbangan Belia 4B Batu Berendam Melaka yang membuat ekspedisi merentas Selat Melaka dari Melaka-Dumai-Pekan Baru. Sebuah pesawat mikrolight telah membuat pendaratan cemas di Stadium Pekan Baru kerana kehabisan minyak. Penulis pergi dengan menaiki feri kerana tidak sanggup menanggung risiko yang besar kerana menaiki pesawat mikrolight. Penulis hanya menjadi salah seorang dari *ground crew*, menguruskan kerja-kerja teknikal pesawat, bekalan minyak, urusan keselamatan, dan lain-lain.

Pada bulan September 2006 pula penulis melawat Padang dan Bukit Tinggi di Sumatera Barat. Tempat ini dihuni oleh lebih dari 99% orang Islam. Malah pondok pengajian Allahyarham Professor Dr Hamka, ulamak Indonesia yang terkenal di Indonesia dan Malaysia juga terdapat di sana. Padang dan Bukit Tinggi adalah bumi orang Minangkabau. Pemandangan di sana cukup cantik. Dikatakan di sanalah asal usul orang Negeri Sembilan. Jadi pergi ke sana adalah umpama balik kampung ke Negeri Sembilan. Pada bulan Mei 2007 yang lalu, sekali lagi penulis melawat Solo dan Yogyakarta. Kali ini penulis menjelajah sekitar Magelang dan Tawamangu pula.

Dari lawatan-lawatan tersebut penulis sempat berbual dengan penduduk tempatan dan juga dengan orang Malaysia yang berurusan di Indonesia. Di Pekan Baru dan Padang penulis sempat berbual dengan orang Malaysia yang bekerja sebagai wakil kepada salah sebuah hospital swasta di Malaysia.

Pemerhatian dan Pengajaran

Dari lawatan-lawatan tersebut penulis mengambil pelajaran tentang beberapa hal. Sebelum membincangkan hal ini dengan lebih lanjut, penulis perlu menekankan bahawa ini adalah pandangan peribadi penulis sendiri hasil dari penglihatan dan pengamatan beliau. Tujuan penulis ialah untuk pengajaran kepada diri sendiri dan berkongsi maklumat dengan rakan-rakan lain yang ingin berkongsi pengalaman dan seterusnya dapat memandu ke arah kecemerlangan diri dan organisasi.

Penduduk padat, persaingan untuk pekerjaan sengit

Pulau Jawa merupakan antara beberapa tempat di dunia yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Memang di mana-mana di dunia ini akan ada segelintir manusia yang hidup susah atau miskin. Di mana-mana bandar di dunia ini akan ada peminta sedekah. Di Shah Alam sendiri ramai juga peminta sedekah yang boleh ditemui. Begitu juga di Indonesia. Namun di Yogyakarta misalnya, ramai yang lebih rela bekerja teruk dari meminta sedekah. Sekiranya anda makan di lesehan (tempat makan di tepi jalan di Yogyakarta, dengan hanya bersila di atas tikar sahaja) anda akan dihiburkan oleh pemuzik jalanan dan kasut anda akan digilap oleh pencuci-pencuci kasut yang mengharapkan upah sekitar 40-50 sen sahaja. Di kampung-kampung, masih terdapat orang yang memikul rumput atau jerami padi untuk dijadikan makan lembu. Terdapat ramai orang yang bekerja menggali parit dengan cangkul atau memikul belerang untuk dijual.

Bila dilihat dari pesawat, kelihatan dengan jelas betapa padatnya penduduk di Pulau Jawa apatah lagi jika dibandingkan dengan Malaysia. Sepanjang perjalanan terdapat rumah-rumah di tepi jalan yang dibina rapat antara satu sama lain. Taman-taman perumahan baru yang tersusun jarang pula kelihatan, tidak seperti di sini. Bila bercerita dengan mereka dan juga orang-orang Indonesia yang bekerja di Malaysia sebagai buruh, mereka akan berkata iaitu di Indonesia memang mudah mencari kerja, tetapi pendapatan yang diperolehi tidak cukup atau tidak memadai. Boleh hidup untuk menyara hidup sendiri dan isteri sahaja. Jika ada anak, tambahan persekolahan anak, itu akan menjadi kesukaran. Untuk simpanan, adalah sukar. Jadi mereka bekerja tanpa membuat simpanan. Oleh sebab itulah ramai yang bekerja di negara lain seperti Malaysia hanya untuk mendapatkan gaji yang lebih untuk menyekolahkan anak-anak dan merasai sedikit kesenangan.

Di sesetengah tempat, penulis sendiri dapat merasakan yang orang-orangnya hidup susah. Di pelabuhan Dumai misalnya, penulis dapat rasakan penghidupan yang susah dengan melihat orang ramai yang berpusu-pusu, ramai yang menaiki motorsikal anak beranak sehingga lebih dua orang, kenderaan begitu padat dengan penumpang, orang ramai menggapai tangan menawarkan diri mengangkut beg penumpang feri, berebut penumpang untuk naik teksi, beca, cara berpakaian yang daif, tabiat merokok di mana-mana dan sebagainya. Di Jawa Tengah anda merasakan masa kembali ke era tahun 60 an. Banyak kerja-kerja di sawah ladang dilakukan secara manual dan bergotong royong.

Agaknya negara itu kaya, tetapi rakyatnya susah

Penulis berpendapat negara itu sebenarnya sebuah negara yang kaya. Ini adalah kerana muka buminya begitu subur. Di Pulau Jawa, tanah dari gunung berapi itu merupakan tanah yang subur. Dalam bahasa mudahnya, *tanam apa sahaja boleh hidup*. Oleh kerana tanahnya yang begitu suburlah maka kepadatan penduduk di Pulau Jawa begitu tinggi. Ramai penduduk Pulau Jawa dan juga Sumatera dan lain-lain bahagian di Indonesia yang bekerja sebagai petani. Oleh kerana pertanian di Indonesia begitu giat, maka makanan di sana begitu melimpah. Rasanya di sana mewah dengan makanan dan rasanya juga tiada orang yang kebulur tidak makan di sana. Kreatifnya orang-orang di Pulau Jawa menyebabkan apa sahaja dari badan ayam boleh dimakan. Shinggakan kuku ayam dan tulang ayam dijadikan kerepek yang lazat rasanya. Begitu juga penulis boleh menikmati makanan diperbuat dari ubi yang diawet iaitu *gatot* atau *tiwol* apatah lagi *tempe asli* yang memang berkhasiat (Ambar Rukmini, 2003).

Semasa penulis di Jawa Tengah dan Padang Bukit Tinggi yang begitu banyak sawah padi, penulis tidak bertemu langsung dengan jentera menuai padi. Ramai lagi petani di sana menjalankan kerja pertanian dengan tulang empat kerat. Ramai lagi yang membajak sawah dengan menggunakan kerbau. Masih ada lagi yang membanting padi. Masih ramai lagi yang membersihkan padi dengan angin. Masih ramai lagi yang membuat kerja secara beramai-ramai dan bergotong royong. Keadaan ini sudah lebih 30 tahun tidak ditemui Malaysia, malah ia menjadi sesuatu yang nostalgik bagi penulis apabila menyaksikannya.

Dalam perjalanan dari Dumai ke Pekanbaru, penulis melalui ladang kelapa sawit dan juga pam carigali yang mengepam minyak yang begitu banyak. Pemandangan samalah seperti dalam cerita Dallas, siri TV semasa tahun 70 an dahulu. Sejauh 100 km itu, buminya penuh dengan minyak. Syarikat minyak Caltex memang bertapak di situ sudah lebih dari 30 tahun. Itu belum lagi di bahagian utara Dumai menuju ke Medan dan juga wilayah Aceh yang kaya dengan minyak. Maknanya Indonesia memang kaya dengan minyak. Itulah sebabnya ia menjadi ahli dalam OPEC. Sekali lagi penulis bertanya di dalam hati iaitu nampaknya negara ini kaya, tetapi mengapa rakyatnya hidup susah, atau mereka itu hidup senang, hanya penulis yang nampak mereka hidup susah.

Begitu banyak universiti

Indonesia memang terkenal dengan begitu banyak universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta, tetapi hanya beberapa buah sahaja seperti Universiti Gadjah Mada, Universiti Panjadjaran, Institut

Teknologi Bandung, Universiti Andalas dan Universiti Sumatera Utara yang terkenal dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Ramai juga pelajar-Malaysia yang belajar di Indonesia terutama dalam bidang perubatan. Penulis pernah berbual-bual dengan pelajar-pelajar perubatan dari Universiti Andalas. Rakyat Malaysia sebenarnya agak banyak terhutang budi dengan Indonesia, dalam banyak hal - dari bekalan buruh sehinggalah guru, ustaz, pensyarah dan profesional lain.

Sekolah-sekolah menengah di Malaysia yang mengalami kekurangan guru pada suatu ketika dahulu menggunakan khidmat guru-guru dari Indonesia. Penulis sendiri pernah belajar dengan guru orang Indonesia semasa di sekolah menengah dahulu. Ketika penulis di kelas matrikulasi, guru matematik penulis juga adalah orang Indonesia. Semasa di universiti penulis pernah belajar dengan orang Burma. Orang-orang yang terkenal di Malaysia juga ramai yang pernah belajar di Indonesia. Dalam erti kata lain penulis berpendapat taraf pendidikan tinggi di Indonesia adalah setanding dengan negara-negara yang lain.

Apabila penulis bertemu dengan wakil dari sebuah hospital swasta Malaysia yang membuat promosi di Indonesia, barulah penulis tahu yang potensi perniagaan *health tourism* itu begitu besar. Ramai orang Indonesia yang sanggup datang ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan. Malah ramai yang sanggup datang ke Malaysia menaiki feri atau kapalterbang untuk mendapatkan ubat-ubat asas seperti pil tahan sakit, ubat selsema dan ubat batuk. Penulis telah mengemukakan satu soalan logik kampung - Apakah di sini kurang doktor sedangkan di sini banyak universiti yang menganjurkan kursus perubatan? Penulis bertanya "Mengapa tidak membuat sebuah hospital swasta sahaja di sini, bukan di Malaysia, dan penulis lihat ramai juga doktor Indonesia di Malaysia? Jawapan wakil tersebut ialah mereka lebih percaya doktor-doktor yang bertugas di Malaysia dan peralatan di Malaysia dikatakan lebih canggih dan terkini dan lain-lain jawapan yang tidak sanggup untuk penulis tuliskan di sini.

Mungkin tumpuan atau perhatian tidak ditumpukan kepada Indonesia kerana ia sebuah negara yang kurang maju. Maka kita memandang sebelah mata sahaja kepada mereka. Cubalah tanya anak-anak atau ibu bapa di Malaysia tentang ke manakah mereka akan menghantar anak-anak untuk melanjutkan pelajaran. Ramai yang akan menjawab untuk menghantar anak-anak mereka ke UK, German, Belanda atau US. Tidak ramai yang dengan bangganya menyatakan ingin melanjutkan pelajaran ke Indonesia, India dan negara yang setaraf dengannya. Namun keadaan ini agak berubah kini. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan UiTM sudah mula beralih ke negara tersebut. Diharapkan perubahan bukan sahaja didorong oleh faktor peningkatan kos apabila menghantar pelajar-pelajar ke negara maju lain yang begitu tinggi.

Negara yang rakyatnya dikatakan bebas bersuara

Barangkali negara itu mengamalkan kebebasan suara yang hebat. Begitu banyak surat khabar yang dijual di merata tempat. Bandar Dumai yang sebesar Bandar Melaka mempunyai lebih dari 5 jenama surat khabar harian tempatan. Begitu juga bandar-bandar lain di Indonesia. Selain dari itu penulis pernah diraikan oleh sekumpulan orang politik dari berbagai-bagai parti politik, duduk semeja, berbual dan berbincang bersama. Keadaan ini sukar ditemui di tempat lain. Mereka berkata “*di Indonesia semasa pilihanraya raya mereka ini umpama bermusuhan, tetapi selepas pilihanraya mereka kembali berkawan dan bekerja bersama-sama*”. Rakyat juga bebas menganut agama yang diinginkan. Tidak hairanlah jika antara adik beradik ada yang beragama Islam, ada yang beragama Hindu atau Kristian. Malah tanah perkuburan pun ada yang dikongsi antara Islam, Hindu dan Kristian. Begitu bebas dan terbukanya Indonesia sehingga mereka berbangga dengan konsep “*Unity in Diversity*”nya.

Mungkinkah alam sekitarnya lebih terpelihara?

Satu perkara yang penulis kagumi ialah kegigihan rakyat Indonesia yang bekerja keras untuk hidup. Di Jawa Tengah umpamanya boleh dikatakan tidak ada tanah yang dibiarkan terbiar. Di belakang-belakang rumah, di atas sempadan sawah, di tepi jalan raya, asal ada sahaja tanah, maka ada sahaja tanaman yang ditanam. Mereka menanam padi, jagung, cili, sayuran dan sebagainya. Buah salak misalnya juga ditanam dan rasanya begitu manis sekali. Susu lembu yang dihasilkan di sekitar Kaliurang memang enak rasanya, tidak berbau hamis meskipun diminum segar. Makanan yang disajikan di restoran-restoran dan juga di lesehan agak lazat dan istimewa. Penulis menganggapnya istimewa kerana nasi yang dihidangkan sedikit (tidak seperti di Malaysia, banyak), sayurannya banyak (misalnya nasi padang yang banyak ulam), dan juga ayam muda yang lembut dan tidak berlemak. Selain dari itu, mangkuk basuh tangan berlima disediakan dengan sapu tangan sekali; tidak seperti di kebanyakan kedai makan Malaysia yang menyediakan tisu sahaja. Di sekitar Bukit Tinggi rumah-rumah di sana kebanyakannya mempunyai kolam yang dipelihara dengan ikan. Bahan-bahan buangan dari dapur atau lebih-lebih makanan dicampakkan sahaja ke dalam kolam itu. Airnya pula mengalir dan ini menyebabkan ia tidak berbau. Ini bermakna konsep berjimat dan “*recycling*” sudah lama diamalkan di negara ini.

Sebelum ini penulis membayangkan Yogyakarta adalah sebuah bandar yang padat dan kotor, tetapi rupanya ia adalah sebuah bandar yang bersih dan tidak sesibuk bandaraya Kuala Lumpur atau Bangkok. Jalanraya, lorong-lorong dan tong-tong sampah dibersihkan sebelum jam 8 pagi oleh buruh-buruh tempatan secara manual. Sungainya juga bersih. Penu-

lis membayangkan sungai-sungai di sana seperti Sungai Kayu Ara atau Sungai Kelang yang begitu kotor, tetapi penulis terkejut apabila mendapati sungai yang melalui Yogyakarta begitu bersih dan kiri kanannya terdapat rumah kediaman yang bersih dan tersusun. Di Padang-Bukit Tinggi, sungai yang terdapat di kiri jalan begitu bersih dan sungai yang sedemikian tidak mungkin terdapat di Malaysia. Telur penyu begitu banyak terdapat di Padang. Sesiapa yang berminat untuk makan telur penyu, Padang, Sumatera Barat adalah tempatnya.

Sebagai pencinta alam sekitar penulis memang kagum dengan Indonesia. Kurang bahan buangan, banyak benda yang masih asli dan alam sekitar yang agak terpelihara, walaupun ada juga berlaku pencemaran seperti jerebu yang melanda Indonesia dan negara kita hampir setiap tahun.

Mungkinkah rasuah berleluasa?

Pada tahun 2006, Transparency International meletakkan Indonesia di tangga ke 130 dari 163 buah negara dari segi persepsi rasuah (Poruznuk, 2006). Agak sukar untuk diceritakan tentang rasuah di sini bimbang jika cerita buruk ini sampai kepada kerajaan Indonesia. Penulis diberitahu, sama ada di Sumatera atau di Yogyakarta bahawa memang amalan rasuah begitu teruk di sana.

Penulis juga telah melalui pengalaman berhubung perkara rasuah. Sebagai contoh, penulis terpaksa memberikan wang pelincir ketika hendak melalui pemeriksaan *x-ray* di sebuah lapangan terbang, apabila lukisan yang dibeli begitu besar sehingga tidak boleh melintasi mesin tersebut. Walhal pemeriksaan boleh dilakukan tanpa melalui mesin itu. Pegawai keselamatan lapangan terbang itu dengan tanpa segan silu meminta habuannya. Penulis yang hendak cepat kerana berbaris panjang terpaksa memberikan pelincirnya.

Penulis hanya menggambarkan sedikit dari cerita kepayahan orang di sana untuk hidup dan rasuah yang begitu berakar. Hendaknya budaya negatif tersebut tidak tersebar di negara kita ini.

Kakitangan pejabat yang berjualan

Di Yogyakarta misalnya kakitangan kerajaan bekerja dari jam 8 pagi sehingga jam 2 petang, selama 5 hari seminggu. Dikatakan ramai juga diantara kakitangan kerajaan yang berniaga sambil misalnya menjual kain batik, makanan "*snek*" seperti kerepek dan lain-lain lagi yang boleh dijadikan barang perdagangan kecil-kecilan untuk menambahkan pendapatan. Barang-barang ini diambil dari kampung tempat asal pekerja itu dan dijual ditempat kerjanya dengan harga yang agak murah. Seperti

orang Malaysia yang berasal di Kelantan - sambil balik kampung mereka akan mengangkut kain batik, keropok ikan dan lain-lain yang hanya didapati di Kelantan untuk dijual di Kuala Lumpur, tempat di mana orang itu bekerja. Hal ini dikatakan begitu berleluasa di Indonesia. Tambahan pula setiap bandar atau daerah mempunyai barangan uniknya sendiri.

Hal sedemikian terjadi disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung kos penghidupan sehingga terpaksa bekerja lebih walaupun mengorbankan atau menggunakan waktu pejabat.

Bahasa Indonesia yang rojak

Penulis pernah terfikir mengapa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mencontohi atau mengikut bulat-bulat apa yang dilakukan oleh Indonesia untuk memperkayakan Bahasa Malaysia. Dari pembacaan surat khabar dan majalah-majalah yang ada di sana ternyata begitu banyak perkataan-perkataan Inggeris yang di Bahasa Indonesiakan. Kadang-kadang penulis terfikir adalah lebih baik membaca dalam Bahasa Inggeris sahaja daripada membaca dalam Bahasa Indonesia. Ini adalah kerana kadang-kadang Bahasa Inggeris di Indonesiakan secara membabi buta. Misalnya *consultancy* diterjemahkan terus ke bahasa Indonesia iaitu 'konsultasi', dan berbagai-bagai perkataan lagi yang sewenang-nya di Indonesiakan. Contohnya ayat ini "...*Pada hal **sertifikat tanah** itu sangat penting untuk meminimalisasi potensi konflik, memperjelas status tanah terkait serta dalam rangka tertib **administrasi desa***".

Dalam hal ini adalah dirasakan Malaysia telah mengambil pendekatan yang lebih baik kerana Dewan Bahasa dan Pustaka menterjemah perkataan asing secara berhemah dan tidak secara sewenang-wenangnya, menjadikan Bahasa Malaysia mempunyai cirinya sendiri.

Maju mundur orang boleh dilihat dari sikapnya

Semasa penulis menunggu di lapangan terbang untuk menaiki pesawat tambang murah ke Indonesia, penulis melihat suasana begitu aman dan tenang. Para penumpang masing-masing duduk menunggu pengumuman. Tetapi, apabila kakitangan mengumumkan yang penumpang-penumpang boleh mula beratur untuk masuk ke kapalterbang, maka dengan tiba-tiba suasana menjadi sibuk. Penulis beratur mengikut giliran. Namun, penulis mendapati ramai yang memotong giliran dengan muka yang begitu selamba. Ramai juga yang membawa beg besar yang tidak sepatutnya dibawa bersama penumpang. Suasana berebut-rebut juga berlaku di dalam pesawat. Ada yang menempah tempat duduk dengan meletakkan beg, jaket atau apa-apa dari rakan yang memasuki pesawat dahulu. Ada yang bercakap menggunakan telefon bimbit walaupun pengu-

muman mematikan telefon bimbit sudah diumumkan dengan tegasnya oleh anak kapal. Malah ada yang berdiri sedangkan pesawat masih bergerak di atas landasan setelah mendarat. Amalan merokok boleh dilihat di mana-mana, sama ada di lapangan terbang, kedai kopi yang berhawa dingin, di jalanraya atau di mana sahaja.

Mungkin ada orang berkata orang yang kurang berada biasanya lebih sensitif dan beremosi. Pendapat itu mungkin ada benarnya. Berita mengenai pekerja Indonesia yang bekerja di Malaysia didera atau dieksploit majikan disiarkan di media massa dengan begitu membakar semangat dan jika dibiarkan boleh sehingga menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

Kesimpulan

Dari pengalaman-pengalaman yang dipaparkan di atas, penulis bersyukur kerana dilahirkan di Malaysia. Penulis tidak pernah mengalami kesukaran dalam hidup sebagaimana yang penulis saksikan sendiri di negara jiran ini. Kepimpinan dan sistem pemerintahan yang ada sekarang menyumbang kepada kesejahteraan hidup kita. Memang benar banyak aspek di dalam negara ini yang masih kurang memuaskan dan masih perlu diperbaiki, tetapi secara umumnya keadaan di sini adalah lebih baik dari di sana. Benar kita mesti maju tetapi tidak perlulah kita menjadi seorang yang "*kiasu*".

Selain dari itu perlu ditanamkan di minda orang Melayu yang kita perlu maju dan perlu menjadi kaya (Mahathir, 2001; Azizi, 2005). Bukan kita hendak menjadi materialistik atau bertuhankan kekayaan dunia tetapi kekayaan adalah alat untuk kita hidup lebih makmur. Misalnya kenapa orang Melayu/Islam ketinggalan dalam pelajaran, dalam aspek sosial, kemanusiaan atau dalam ekonomi dan lain-lain (Seng, 2006). Jawapannya ialah kerana kita kekurangan wang atau kurang modal. Kenapa kontraktor Melayu/Islam kurang berjaya. Jawapannya ialah kerana berbagai-bagai sebab tetapi punca utama ialah kekurangan modal. Mengapakah petani bangsa bukan Melayu di Malaysia menghasilkan hasil pertanian sehingga dieksport begitu berjaya. Jawapannya ialah, selain dari pengetahuan dan pengurusan yang baik, mereka mempunyai modal yang banyak. Selain dari itu kita perlu realistik dan berpijak di bumi nyata. Mungkin ada faktor-faktor tertentu yang berkait dengan amalan dan kebudayaan kita yang menyebabkan kita menjadi kurang maju dan terbelakang yang perlu dikikiskan (Musharraf, 2006; Muhammad Yunus, 1999).

Kerja kuat memang perlu, tetapi tidak memadai dengan kerja kuat sahaja. Jika dibuat perbandingan dua negara antara Jepun dengan Indonesia, muka bumi Jepun dan Indonesia lebih kurang sama sahaja. Kesuburan

tanah dan kuat bekerja antara orang Jepun dan Indonesia lebih kurang sama sahaja. Namun secara umumnya ramai berpendapat bahawa Jepun jauh lebih maju dari Indonesia. Ini adalah sesuatu yang selalu bermain di minda penulis. Pada pendapat penulis bekerja secara berkualiti dan ber-sistematik merupakan kunci kepada kejayaan Jepun berbanding dengan Indonesia. Perbandingan pengalaman dari Indonesia ini boleh memberikan kesedaran dan seterusnya menilai keadaan semasa kepada orang Melayu dan khususnya warga UiTM agar terus menjadi cemerlang di masa hadapan.

Rujukan

- Azizi, A. (2005). *Millionaire in me*. Kuala Lumpur: True Wealth Sdn. Bhd.
- Ambar Rukmini. (2003). *The composition of some Yogyakarta's traditional fermented food*. Seminar Nasional dan Pertemuan Tahunan Perhimpunan Ahli Teknologi Pangan Indonesia. Yogyakarta, 22-23 July 2003.
- Mahathir Mohamad. (2001). *Malays forget easily*. Kuala Lumpur: Pelan-duk Publications.
- Muhammad Yunus. (1999). *Banker to the poor*. New York: Public Af-fairs.
- Musharraf, P. (2006). *In the line of fire. A memoir*. New York: Free Press.
- Poruznuk, A. (2006). *Transparency International Annual Report 2006*. Berlin: JM Stefko Printing House.
- Seng, A.W. (2006). *Rahsia business orang China*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

MOHD NOOR RAMLAN, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik,
Universiti Teknologi MARA Pahang. tphea@pahang.uitm.edu.my

HAFIZAH KASIM, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA
Pahang. hafizah@pahang.uitm.edu.my